

31/05/1997

Mohandas, rakan buktikan 'Malaysia Boleh'

ORANG pertama menakluki Gunung Everest ialah Sir Edmund Hillary pada 1953. Sejak itu ramai yang mengikuti jejaknya. Malaysia menghantar ekspedisinya mendaki puncak gunung itu 44 tahun kemudian. Jumaat lalu, dua pendaki ekspedisi kita berjaya tiba di puncak gunung itu. Mereka ialah S Mohandas dan M Magendran. Dengan itu, kedua-duanya mencatat sejarah tidak saja untuk diri sendiri dan ekspedisi mereka tetapi untuk Malaysia.

Kejayaan itu tentu membanggakan kita kerana tidak sudah mendaki gunung setinggi 9.6 kilometer di atas paras bumi. Gunung itu mengandungi banyak tragedi kerana ramai menyabung nyawa dan terkorban ketika cuba menaklukinya. Dua rakan yang bersama Magendran dan Mohandas iaitu Mohamad Fauzan Hassan dan Gary Chong terpaksa berpatah balik. Fauzan turun semula kerana cirit-birit dan Chong kerana terlalu letih.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir bersama Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali di London mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Magendran dan Mohandas. Demikian juga pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim serta pemimpin negara yang lain. Seluruh rakyat mengucapkan syabas kepada pahlawan negara itu atas kejayaan mereka.

Projek Everest dilancarkan oleh Perdana Menteri tahun lalu. Kini projek itu berjaya membuktikan semangat 'Malaysia Boleh' bukanlah impian kosong tetapi satu kenyataan yang tepat jika kita membulatkan tekad untuk mencapainya.

Seperti dikatakan oleh seorang menteri ketika mengucapkan tahniah kepada ekspedisi itu, mendaki gunung tertinggi di dunia bukan satu usaha mudah. Kejayaan ekspedisi itu, katanya, diharapkan akan merangsang rakyat Malaysia mencatat sejarah dalam bidang lain. Anwar mengulas kejayaan pendaki itu bukan semata-mata satu kejayaan menguasai gunung tertinggi di dunia tetapi satu kejayaan ketekunan, kejayaan bekerja sebagai satu pasukan dan kejayaan disiplin.

Media cetak dan elektronik sejak awal lagi memberikan laporan lengkap mengenai usaha untuk memungkinkan seluruh rakyat mengikuti setiap detik ekspedisi itu. Ekspedisi itu direstui tidak saja oleh kerajaan malah oleh rakyat. Ia berupa satu usaha kebangsaan yang mengandungi erti kepada kita semua. Ekspedisi Everest itu dilancarkan pada saat negara dan bangsa Malaysia sedang tertonjol di pentas dunia sebagai sebuah negara yang prestasinya dalam bidang politik, ekonomi dan sosial.

Kejayaan ekspedisi Everest itu menunjukkan bahawa cita-cita yang besar boleh dicapai oleh jiwa yang besar. Semangat 'Malaysia Boleh' memperkuat tekad dan azam pasukan pendaki gunung negara untuk menghadapi segala ujian getir. Kejayaan itu tidak semata-mata lahir daripada semangat kental. Ekspedisi itu tentu adalah kejayaan teknologi. Persiapan dan kemudahan harus canggih, memerlukan penguasaan kita terhadap teknologi pendakian gunung setinggi puncak Everest itu. Satu ciri yang menarik daripada kejayaan itu ialah contoh yang diperlihatkan oleh mereka mendaki gunung menjadi bidang yang mengharumkan nama negara.

Magendran dan Mohandas adalah anggota Persatuan Pendaki Gunung Malaysia. Magendran bekerja sebagai guru sekolah. Mohandas sebagai pegawai syarikat swasta. Mereka orang biasa saja. Tetapi hasil kegigihan dan azam mereka menguasai bidang mereka, kedua-duanya kini layak menjadi wira negara.

Negara melahirkan ramai wira negara dalam setiap bidang sejak kita mencapai kemerdekaan. Kini barisan wira negara termasuk anggota ekspedisi Everest.

Manakala Perdana Menteri melancarkan Projek Everest tahun lalu, terdengar suara yang agak sumbang: Mengapa mendaki Gunung Everest?, Mengapa tidak memilih bidang lain umpamanya bidang teknologi canggih.

Kini ternyata impian Perdana Menteri seperti biasa menjadi kenyataan yang sekali lagi menunjukkan kita harus berani menerokai bidang yang belum pernah kita jelajahi demi membuktikan Malaysia tidak gentar menghadapi cabaran. Kini bendera turut berkibar di puncak Everest.

Untuk kebanyakan kita, agak sukar barangkali menggambarkan betapa sulitnya mendaki Gunung Everest. Walaupun RTM menyiarkan setiap malam gambar dan laporan mengenai perkembangan ekspedisi itu tetapi kesannya tidaklah sama dengan kesan kita menonton pertandingan bola sepak Piala Dunia atau pertandingan badminton untuk merebut Piala Thomas. Saya sendiri mengakui inilah pertama kali saya menonton filem mengenai ekspedisi mendaki gunung Everest. Ini tidak pula bererti kita tidak memahami dan merasakan, betapa hebatnya penanggungan pendaki itu menghadapi angin ribut kencang, cuaca yang sukar diramalkan dan salji yang suhunya di bawah paras beku.

Menurut berita awal, Magendran dan Mohandas hanya sempat berada di puncak itu selama 10 minit saja. Angin amat kencang hingga mereka terpaksa merangkak beberapa meter sebelum tiba di puncak. Selain mereka, ada 10 lagi yang juga bersesak-sesak hendak ke puncak, hingga pada suatu ketika, mereka terpaksa bergilir-gilir untuk mendaki ke matlamat mereka. Ekspedisi itu kehilangan seorang pemandu mereka yang terbunuh dalam satu nahas pada 6 Mei lalu, menunjukkan besarnya bahaya yang harus ditempuhi ekspedisi itu.

(END)